

Malaysia akan beli kereta kebal buatan Poland

UM 24 MAR 2002

WARSAW 23 Mac — Malaysia akan membeli kereta kebal PT-91 buatan Poland kerana terdapat kelebihan yang ditawarkan oleh peralatan perang tersebut berbanding keluaran beberapa negara lain, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah membuat penilaian terhadap kereta kebal kategori 'Main Battle Tank' (MBT) itu yang ditawarkan oleh negara lain tetapi secara perbandingan kereta kebal buatan Poland mempunyai kelebihan.

Beliau menegaskan, pembelian berkenaan yang dibuat secara pakej adalah berdasarkan merit dan bukan disebabkan oleh tekanan mana-mana pihak.

Menurutnya lagi, butir-butir terperinci mengenai perkara itu seperti jumlah kereta kebal yang akan dibeli dan syarat-syarat lain pembelian akan dibincangkan kemudian.

Bercakap kepada penerbit di sini hari ini pada di akhir lawatan tiga harinya

ke republik ini, Dr. Mahathir berkata, pembelian tersebut tidak akan dilakukan secara tunai tetapi mengambil kira kaedah yang akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak.

"Kita dah buat keputusan untuk membeli kereta kebal tersebut. Tentunya akan ada beberapa perbincangan lagi mengenai urusan itu yang akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak," ujarnya.

Mengeksport

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, Malaysia berminat untuk mengeksport minyak sawit sebagai salah satu kaedah pembelian berbanding secara tunai.

Katanya, beberapa perbincangan juga akan diadakan untuk melihat potensi pemindahan teknologi dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

Rabu lalu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan

akan menstruktur semula perjanjian pembelian untuk memanfaatkan ekonomi tempatan bukan sahaja berkait dengan bidang pertahanan tetapi juga bidang-bidang lain.

Katanya, kaedah membuat pembelian terus sudah berlalu dan Malaysia akan melihat dari sudut apa negara penjual dapat beli dari Malaysia pula.

Mengenai pembelian helikopter, Dr. Mahathir berkata, belum ada sebarang keputusan yang dibuat kerana Malaysia akan mengkaji terlebih dahulu beberapa perkara berkaitan.

"Saya sudah tengok demonstrasi helikopter penyelamat tersebut. Ia sangat hebat. Kita tahu keupayaan pengilang Poland bukan sahaja berkaitan peralatan pertahanan tetapi bidang lain," ujarnya.

Beliau berkata, sektor awam di Malaysia akan bekerjasama dengan pengilang dan pengeluar di Poland untuk melihat kepakaran dan peralatan-peralatan yang boleh dikongsi bersama. — **Mingguan**